

**KAJIAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MASJID KAPITAN KELING,**

**GEORGETOWN, PULAU PINANG**

**MUHAMMAD AMYRUL HADI BIN SUHAIDI**

UNIVERSITI

---

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

---

KELANTAN

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MASJID  
KAPITAN KELING, GEORGETOWN, PULAU PINANG**

Oleh:

**MUHAMMAD AMYRUL HADI BIN SUHAIDI**

Laporan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

(Konservasi Warisan)

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Tahun

2023

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- |                                     |                |  |
|-------------------------------------|----------------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)   |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SEKATAN</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SULIT</b>   | Dari tarikh _____ hingga _____<br>(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*   |


Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



Tandatangan Penyelia



**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Pensyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg. Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaandansekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.  
Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



.....  
Date: 16 February 2023

Signature of Supervisor



**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Pensyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No: 01  
16300 Bachok, Kelantan.

.....  
Date: 16 February 2023

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## Penghargaan

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapa penghargaan ini kepada pensyarah dan penyelia saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari saya, kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Di sini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana membuka peluang kepada saya untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Konservasi Warisan) dan memberi kepercayaan bagi melaksanakan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya yang memberi saya pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya Berjaya menghabiskan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya uterakan kepada mereka. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

**HALAMAN**

**PERAKUAN TESIS**

**PENGHARGAAN**

**ii**

**ISI KANDUNGAN**

**iii**

**SENARAI RAJAH**

**iv**

**ABSTRAK**

**vi**

**ABSTRACT**

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan

1

1.1 Latar Belakang Kajian

2

1.2 Permasalahan Kajian

3

1.3 Persoalan Kajian

4

1.4 Objektif Kajian

4

1.5 Skop Kajian

5

1.6 Kepentingan Kajian

6

1.7 Definisi Terminologi

7

1.8 Penutup

9

### **BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan

10

2.2 Pengaruh dalam Rekabentuk dan Senibina Masjid

12

2.2.1 Pengaruh Senibina Tradisional Melayu dalam Masjid

15

2.2.2 Pengaruh Cina dalam Senibina Masjid	12
2.2.3 Pengaruh Senibina Kolonial	21
2.3 Kaedah yang Bersesuaian bagi Pemuliharaan Masjid	25
2.4 Pemikiran Dan Pendekatan Reka Bentuk Masjid	26
2.5 Pengenalan Masjid Kapitan Keling	27
2.5.1 Sejarah Pembinaan Masjid Kapitan Keling	28
2.5.2 Senibina Masjid Kapitan Keling	29
2.6 Penutup	31
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pendahuluan	32
3.1 Reka bentuk Kajian	33
3.1.2 Kaedah Kualitatif	34
3.1.3 Kaedah Kuantitatif	35
3.1.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian	35
3.2 Instrumen Kajian	36
3.2.2 Kajian Perpustakaan	36
3.2.3 Temubual	37
3.2.4 Pemerhatian	37
3.3 Sampel Kajian	38
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	38
3.4.1 Sumber Primer	38
3.4.2 Sumber Sekunder	39
3.5 Penutup	42

**BAB 4: ANALISIS DATA**

4.1 Pengenalan	43
4.2 Analisis Kajian Sejarah Pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang	44
4.3 Analisis Dapatan Kajian dalam Mengenalpasti unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling.	47
4.4 Analisis Dapatan Kajian dalam Mengenalpasti langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan Keling	50
4.5 Penutup	55

**BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	56
5.2 Perbincangan Mengenai Kajian sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang.	57
5.3 Perbincangan Mengenai Unsur Senibina Yang Digunakan Dalam Pembinaan Masjid Kapitan Keling.	60
5.4 Perbincangan Mengenai Langkah Pemuliharaan Yang Sesuai Digunakan Pada Masjid Kapitan Keling.	62
5.5 Cadangan	65
5.6 Kesimpulan	67
5.7 Penutup	68



## RUJUKAN

### SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Masjid Negeri Seremban	13
Rajah 2.2: Masjid Tengker	16
Rajah 2.3.1: Contoh Bangunan Senibina Kolonial	18
Rajah 2.3.2: Contoh Bangunan Senibina Moor	19
Rajah 2.3.4: Masjid Kapitan Keling	23
Rajah 2.3.5: Sudut pandangan atas Masjid Kapitan Keling	23
Rajah 3.1: Lokasi Peta Masjid Kapitan Keling	28
Rajah 4.1: Lakaran “Masjid Kapitan Keling” Pulau Pinang, 1848	43
Rajah 4.2: Menara Masjid Kapitan Keling	44
Rajah 4.3: Kubah dan Menara apit Masjid Kapitan Keling	46
Rajah 4.4: Kawasan dalaman Masjid Kapitan Keling	46
Rajah 4.5: Hiasan dalam kubah Masjid Kapitan Keling	47
Rajah 4.6: Tiang di Masjid Kapitan Keling	48
Rajah 4.7: Pengkaji bersama pihak pengurusan Masjid Kapitan Keling	49
Rajah 4.8: Proses pemantauan kerosakan bangunan Masjid Kapitan Keling	50
Rajah 4.9: Kerosakan pada bahagian siling Masjid	51
Rajah 5.0: Kerosakan pada bahagian dalam atap Masjid	51
Rajah 5.1: Kerosakan pada bahagian luar atap Masjid	52
Rajah 5.2: Makam Keluarga Kapitan Keling di Perkarangan Masjid Kapitan Keling	56
Rajah 5.3: Proses pembaikpulihan kubah Masjid Kapitan Keling pada 2010	58
Rajah 5.4: Proses pembaikpulihan kubah Masjid Kapitan Keling pada 2010	59

**SENARAI JADUAL**

Jadual 3.1 Kaedah Analisis Data

38



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk Mengkaji Sejarah Dan Perkembangan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang yang telah menjadi antara masjid yang tertua di Tanah Melayu dan juga di Pulau Pinang. Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah di Georgetown, Pulau Pinang. Iaitu antara kawasan yang paling banyak bangunan dan juga peristiwa yang bersejarah yang telah berlaku di negeri Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan untuk mengesan sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang, bagi mengenalpasti pengaruh senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling serta demi menganalisis langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan keling dengan menggunakan kaedah kuantitaif seperti pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen, Setiap data yang diperolehi melalui kaedah tersebut dan dianalisis dan dirumuskan untuk mencapai objektif kajian ini. Tambahan pula, kajian ini dilakukan kerana wujudnya kesedaran masyarakat yang kurang terhadap sejarah dan pemuliharaan serta pemeliharaan terhadap bangunan warisan seperti Masjid Kapitan Keling. Dapatan kajian yang dilakukan mendapati senibina Masjid Kapitan Keling ini telah dipengaruhi oleh senibina-senibina asing seperti senibina Moor. Selain itu, didapati juga bahawa terdapat beberapa usaha pembaikpulihan ataupun proses konservasi telah dilakukan pada Masjid Kapitan Keling ini bagi memelihara struktur binaanya yang telah berusia lebih daripada 200 tahun. Kesimpulannya, kajian ini akan dapat dijadikan sebagai rujukan untuk penyelidik akan datang yang ingin mengkaji tentang senibina Masjid Kapitan Keling ini.

Kata Kunci: masjid, moor, pulau pinang, proses konservasi, perpustakaan, senibina,

## Abstract

This study was conducted to study the history and development of the Kapitan Keling Mosque, Georgetown, Penang which has become one of the oldest mosques in Malaya and also in Penang. The location chosen to conduct this study is in Georgetown, Penang. It is one of the areas with the most buildings and historic events that have taken place in the state of Penang. This study was conducted to trace the history of the construction of the Kapitan Keling Mosque, Georgetown, Penang, to identify the architectural influence used in the construction of the Kapitan Keling Mosque as well as to analyze the appropriate conservation measures used in the Kapitan Keling Mosque by using quantitative methods such as observation, interviews and also document analysis, Each data obtained through the method and analyzed and formulated to achieve the objectives of this study. Furthermore, this study was conducted because there is a lack of public awareness of history and the conservation and preservation of heritage buildings such as the Kapitan Keling Mosque. The findings of the study found that the architecture of the Kapitan Keling Mosque has been influenced by foreign architecture such as Moorish architecture. In addition, it was also found that there are several restoration efforts or conservation processes that have been carried out at the Kapitan Keling Mosque to preserve its building structure which is more than 200 years old. In conclusion, this study will be able to be used as a reference for future researchers who want to study the architecture of the Kapitan Keling Mosque.

Keywords: architecture, conservation process, library, mosque, moorish, penang

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Pembinaan masjid-masjid di Pulau Pinang telah pun dibina semasa zaman pendudukan British lagi. Pihak pentadbiran memberi kelonggaran masyarakat Islam untuk mendirikan bangunan masjid dan ini telah merancakkan lagi syair penyebaran Islam di Pulau Pinang. Oleh itu, penulis mendapati kebanyakan masjid –masjid tertua di Pulau Pinang dipengaruhi oleh unsur luar terutamanya dalam aspek seni bina dan reka bentuknya. Ia juga dapat dilihat terutamanya dalam aspek dekorasi dan dalaman masjid tersebut yang mempunyai keunikan yang tersendiri dalam kesenian dan budaya masyarakat Islam yang sedia ada. Oleh itu, penulis memfokuskan Masjid Kapitan Keling sebagai fokus utama tulisan ini yang mempunyai nilai estetika dalam aspek hiasan dan senibina.

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Latar belakang kajian ini adalah merujuk kepada kaedah dan proses pemuliharaan yang telah dilakukan kepada Masjid Kapitan Keling ini sejak ia dibina sehinggalah saat ini. Di samping itu, Pulau Pinang mempunyai ramai orang yang menentang budaya campuran dalam populasi Cina dan India, yang sebenarnya bukan penyokong jangka panjang pembinaan bangunan baru di luar negara. Masjid Kapitan Keling, yang terletak di tengah-tengah bandar di Jalan Masjid Kapitan Keling, adalah satu-satunya contoh struktur kebanggaan yang menjadi tarikan utama pelancong di Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling adalah masjid tertua di Pulau Pinang dan kali terakhir dibina semula pada 1801, menurut catatan sejarah. Memandangkan Pulau Pinang pada masa ini merupakan tempat yang paling terkenal untuk berniaga di Selat Melaka, ramai orang dari luar wilayah melancong ke Pulau Pinang.

Ia tidak sama persis dengan struktur yang dibina pada tahun 1801 semasa Senibina Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dibina. Masjid semasa kini sedang menjalani beberapa fasa pengubahsuaian dari sudut seni bina dan pemuliharaan. Walau bagaimanapun, ia masih mengekalkan hubungan antara unsur India dan doktrin Islam tertentu. Pada masa ini masjid sedia ada dibina pada tahun 1906. Tapak masjid & perkarangannya yang telah menjadi kecil yang telah berlaku oleh pembangunan pesat disekelilingnya yang memaksa sebahagian tanah masjid yang asalnya 18 ekar diambil untuk pembinaan rumah-rumah.

Masjid ini dikenali sebagai Masjid Kapitan Keling kerana Caudeer Mohudeen, seorang Muslim dari India majoriti Islam yang dikenali sebagai Kapitan Keling, adalah tokoh yang kini digunakan untuk menggambarannya. Sebenarnya, masjid ini dibina hasil daripada penduduk India yang beragama Islam yang datang ke wilayah itu lebih 200 tahun lalu dan dikebumikan di sana. Tahun 1930-an menyaksikan pengubahsuaian dan penyelenggaraan masjid ini. Masjid Kapitan Keling yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan keilmuan Islam di Pulau Mutiara dan bersebelahan Tapak Warisan Dunia UNESCO, diasaskan pada 1491 dan menjadi tempat ibadat sejak itu.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Secara amnya, peredaran zaman telah menyebabkan berlakunya kekurangan dokumentasi berkenaan sejarah dan proses pembinaan. Hal ini menyebabkan berlakunya ketiadaan rekod tentang sejarah dan perkembangan pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang. Hal ini berlaku berkemungkinan ekoran daripada berlakunya peperangan, perubahan organisasi pentadbiran di negeri ini dan faktor kelemahan serta pihak pentadbiran yang tidak peka dan cakna akan sejarah Masjid Kapitan Keling yang pernah menjadi simbol syiar Islam di Pulau Pinang.

Masalah yang dihadapi pada masa ini adalah kekurangan pemahaman tentang sejarah pembinaan dan unsur-unsur seni bina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling. Hal ini telah menyebabkan proses konservasi ataupun proses baik pulih sesuatu bangunan warisan sukar dilakukan kerana aspek sejarah merupakan aspek yang penting untuk diambil kira dalam sesuatu proses konservasi bangunan warisan supaya nilai sejarah dan estetikanya dapat dikekalkan.

Selain itu, terdapat juga masalah di mana kurangnya kesedaran masyarakat setempat terutamanya golongan muda terhadap sejarah dan pemuliharaan serta pemeliharaan terhadap Masjid Kapitan Keling. Mereka juga tidak ada pengetahuan yang luas berkaitan latar belakang masjid ini disebabkan oleh faktor peredaran masa yang telah berlalu disamping sikap segelintir masyarakat kini yang tidak mengendahkan sejarah bangunan warisan di kawasan tempat tinggal mereka. Pengkaji juga menghadapi masalah berkaitan dengan ilmu pengetahuan tentang masjid ini kerana pengkaji sendiri kurang berpengetahuan terhadap asas pembinaan masjid tersebut.

### 1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah Masjid Kapitan Keling menjadi simbol syair Islam di Pulau Pinang.
2. Apakah unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling.
3. Apakah langkah pihak berkuasa dalam memelihara dan membaik pulih Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang.

### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat Sejarah dan perkembangan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang. Diharap kajian ini akan dapat mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengkaji sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang.
2. Mengenalpasti unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling.
3. Mengenalpasti langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan keling.



## 1.5 Skop Kajian

Bagi skop kajian, pengkaji telah memilih negeri Pulau Pinang dan kajian dilakukan untuk mengkaji tentang sejarah dan perkembangan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang iaitu bagi mengkaji sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang dan mengenalpasti unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang. Di samping itu, pengkaji akan mengenalpasti langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan Keling dalam kajian pada kali ini. Selain itu, skop kajian juga tertumpu pada persoalan dimana adakah Masjid Kapitan Keling menjadi simbol dan pusat penyebaran syair Islam di Pulau Pinang serta apakah usaha-usaha pihak berkuasa dalam memartabatkan sejarah dan memelihara dan membaik pulih Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji pada setakat ini, Masjid Kapitan Keling yang dibina pada zaman pemerintahan British ini dibina dengan menggunakan konsep senibina luar iaitu tidak ada konsep ataupun pengaruh senibina tempatan mahupun senibina Melayu ataupun Cina yang terhasil daripada proses asimilasi. Jadi untuk kajian pada kali ini pengkaji amat menitikberatkan penggunaan rujukan kajian lepas dan sumber rujukan yang mengkaji tentang konsep senibina terutamanya senibina colonial bagi membantu kajian ini.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan bagi mendedahkan tentang sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang. Selain itu menerusi kajian ini juga, pengkaji akan dapat mengenalpasti unsur senibina yang digunakan pada pembinaan Masjid Kapitan Keling. Pengkaji akan mendapati sekiranya kajian secara menyeluruh dilakukan akan dapat menjawab

dan mengenalpasti objektif dalam kajian pada kali ini. Di samping itu, kajian ini dilakukan oleh pengkaji juga adalah kerana terdapat banyak kepentingan yang dapat diperolehi oleh semua lapisan masyarakat seperti:

### **1.6.1 Masyarakat**

Melalui kajian ini, pengkaji dapat membantu masyarakat setempat untuk lebih memahami dan peka terhadap nilai sejarah yang dimiliki oleh Masjid Kapitan Keling ini yang telah menjadi tugu warisan kebanggaan yang terdapat di kawasan setempat. Pendedahan terhadap isu kajian yang berkaitan dengan senibina dan binaan masjid ini pada masa dahulu dan sekarang juga dapat diterapkan kepada masyarakat yang akhirnya dapat membantu mereka menyemai semula kesedaran tentang jati diri dan nilai warisan dalam kehidupan seharian mereka.

### **1.6.2 Institusi Pengajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga mampu memberi kepentingan kepada institusi pengajian dengan menyumbang dalam bentuk idea dan konsep. Hal ini kerana kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan kepada para pelajar baharu terutama sekali bagi pelajar yang mengikuti Kursus Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kelak.

### **1.6.3 Institusi Pelancongan**

Dengan terhasilnya kajian ini, ianya mampu membantu melonjakkan lagi industry pelancongan di kawasan kajian. Hal ini kerana secara tidak langsung ia akan dapat mempromosikan keunikan dan keistimewaan Masjid Kapitan Keling ini pada masyarakat luar dan sekaligus mampu untuk menarik minat pelancong terutaman sekali bagi mereka yang meminati bidang senibina. Di samping itu, Melalui pelaksanaan projek ini, lokasi kajian dapat

dijadikan destinasi pelancongan yang dapat menarik lebih ramai pelancong domestik. Peningkatan kedatangan pelancong ini turut membuka peluang pekerjaan serta menjana pendapatan peniaga yang terlibat dengan Industri Kecil Sederhana (IKS).

## **1.7 Definisi Terminologi**

### **Masjid**

Terdapat banyak terjemahan definisi dan makna yang terdapat dalam kamus, karya akademik dan sumber lain. Menurut apa yang diketahui tentang internet, masjid atau masjid adalah tempat beribadat bagi umat Islam mengikut pelbagai definisi dan makna yang disediakan oleh pelbagai jenis laman web. Masjid-masjid kecil kadangkala dikenali sebagai musholla atau surau, dan perkataan "masjid" bermaksud "tempat sujud." Masjid ini berfungsi sebagai tempat solat dan pusat kehidupan bermasyarakat Islam. Masjid sering digunakan untuk acara termasuk perayaan hari-hari penting, perhimpunan, pengajian agama, kuliah, dan pengajian al-Quran. Masjid sentiasa mengambil bahagian dalam usaha sosial dan ketenteraan.

### **Struktur**

Definisi struktur dalam konteks bangunan adalah suatu bentuk kesatuan prasarana yang menyalurkan beban dan kemampuan sebarang struktur binaan yang dibina diatas tanah. Struktur juga dimaksudkan dengan disiplin atau prinsip tata ukur, tata hubung, tata letak dalam suatu sistem yang membentuk satuan kerja. Dalam ilmu, struktur berhubungan dengan sistem penyaluran atau penyebaran gaya-gaya eksternal mahupun internal ke dalam bumi.

## **Seni bina**

Secara umumnya merupakan seni dan sains dalam merancang reka bentuk sesebuah bangunan dan struktur lain sebelum membina binaan. Keadaan ini mungkin secara semulajadi telah berfungsi atau ia mungkin juga dibayangkan dalam tahap yang berbeza-beza dari segi ekonomi, sosial dan politik.

## **Jati Diri**

Sifat atau ciri yang unik dan istimewa terutama sekali dari segi adat, budaya, agama dan bahasa yang telah menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu mengikut bangsa, warna kulit, agama, kawasan tempat tinggal dan sebagainya.

## **Terminologi**

Dari segi objektifnya, terminologi ialah ahli keluarga leksikografi yang menggabungkan dua objektif, iaitu pengumpulan maklumat tentang leksikon bahasa dengan menawarkan maklumat, dan kadangkala bimbingan dan perkhidmatan, kepada pengguna bahasa. Dengan pemahaman ini, terminologi tersebut dapat difahami dari segi leksikografi, iaitu kajian tentang leksis dan unsur leksikal yang lain. Untuk memberikan definisi dalam kamus istilah, penulis artikel ini akan bercakap tentang perkaitan antara leksikografi dan istilah. Walaupun terminologi menekankan topik hubungan konseptual dan sistem konseptual dalam pembangunan kamus terminologi kawasan tertentu, metodologi yang digunakan tidak jauh berbeza dengan leksikologi atau leksikografi.

## 1.8 Penutup

Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan secara menyeluruh mengenai kajian yang ingin dijalankan iaitu berkaitan kajian Sejarah Dan Perkembangan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang. Selain itu, pengkaji telah menyatakan beberapa objektif kajian bagi mencapai matlamat utama serta permasalahan yang terdapat dalam projek penyelidikan ini. Di dalam bahagian ini, pengkaji juga telah mengemukakan persoalan kajian, skop kajian, dan juga kepentingan kajian yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Institusi penting dalam pembangunan Islam dan dunia yang lebih luas ialah masjid. Selepas meninggalkan Makkah menuju Madinah, Rasulullah S.A.W. menyelesaikan tahap pertama perjalanannya dengan membina sebuah masjid, memberikannya nama sebagai Masjid Quba iaitu masjid yang pertama dalam sejarah Islam. Masjid telah menjadi tempat solat bagi semua umat Islam dan berfungsi sebagai pusat penyebaran al-Quran dan doktrin Islam. Pengajian agama dan juga perhimpunan keagamaan kerap dibincangkan di masjid hampir setiap hari terutama sekali ketika terdapatnya sambutan perayaan dan juga sambutan keagamaan pada sepanjang tahun.

Pembinaan pelbagai jenis rekabentuk masjid bergantung kepada kreativiti umat Islam di seluruh negara mengikut persekitaran budaya mereka. Walau bagaimanapun ia masih perlu mengikut perkara wajib dalam pembentukan masjid seperti menghadap ke arah kiblat. Sesuatu masjid turut mempunyai mimbar, mihrab, kubah halaman masjid, anjung dan terdapat unsur-unsur sampingan. Pada kebiasaannya unsur sampingan digunakan bagi melengkapkan pembinaan serta mencantikkan masjid dengan membina menara tinggi (Muhd Fadli Ismail 2003).

Keunikan berserta dengan keindahan yang terdapat pada rekabentuk masjid dihiasai dengan rekacorak yang mengagumkan menjadikan orang Islam dikenali dengan penganut agama yang berdaya kreatif. Semua hasil kerja menunjukkan komitmen masyarakat Islam

terhadap kepelbagaian dalam pelbagai bidang. Setiap Seni yang dihasilkan di turut mempunyai kualiti estetika tertentu yang boleh dihayati oleh setiap bangsa di dunia. Masjid yang dibina juga mempunyai ilham dari kawasan sekitar yang dikhususkan untuk mengiktiraf dan memuji sifat-sifat Allah yang maha berkuasa dan berkekalan. Ia terus menerus membantu manusia dengan menghayati kebesaran Allah S.W.T ketika mencari keredhaan Allah dalam menjalankan ibadah.

Tujuan bagi sorotan kajian dilakukan ialah untuk mengkaji hasil karya yang pernah dilakukan oleh orang lain. Tinjauan ini dilakukan berpandukan kepada bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal, tesis, dan surat khabar. Buku dan jurnal dirujuk boleh didapati di perpustakaan. Selain daripada bahan bercetak, tinjauan juga boleh dilakukan melalui media elektronik dalam laman-laman web dalam internet. Tinjauan literatur amat penting kerana ia dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan. Umumnya ia ditulis mengikut susunan subtopik tertentu mengikut minat dan kaedah yang dipegang oleh seseorang pengkaji.

Dalam bab ini Dalam bab ini akan dibincangkan sorotan literatur tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian-kajian berkenaan seni bina, proses pembinaan, fungsi dan kesan sosiologi dalam aspek pembinaan masjid di Malaysia yang dilakukan oleh para penyelidik yang lain. Namun begitu pengkaji akan menekankan dan menumpukan pada kajian terhadap Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang berkenaan sejarah dan perkembangan pembinaanya.

Menurut pemerhatian pengkaji terdapat beberapa faktor yang menentukan kesinambungan sesuatu masjid sebagai bangunan warisan. Antaranya adalah sikap dan pendirian para penduduk di kawasan sekitar, kepekaan pihak yang berwajib dalam menjaga masjid sebagai bangunan warisan, konsep dan polisi pihak kerajaan, taraf sosio-ekonomi,



persekitaran dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membincangkan secara kritis pandangan-pandangan serta dapatan-dapatan penyelidikan lain berkaitan dengan sejarah pembinaan dan senibina Masjid di Malaysia.

## **2.2 Pengaruh dalam Rekabentuk dan Senibina Masjid**

Menurut kajian yang dilakukan oleh Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haroni, Zul Iskandar Ramli, Salina Abdul Manan, Sharifah Nur Izzati Sayed Hassan, Azni Hanim Hamzah, Nani Hartina Ahmad & Norwani Md dalam Keindahan Reka Bentuk Masjid Melayu, menyebut bahawa masjid dianggap sebagai rumah ibadat atau dikenali juga sebagai tempat ibadat. Ungkapan ini berasal dari tanggapan bahawa agama lebih bersifat ritual apabila sesuatu yang lebih dekat dengan "pengagungan" kepada "tuhan." Sama seperti agama lain, mereka secara semula jadi mempunyai tempat di mana setiap agama boleh diamalkan secara berasingan, seperti kuil dan gereja, yang mempunyai patung yang digunakan sebagai tuhan untuk dibongkar dan disembah oleh mereka yang mengamalkannya. Walaupun masjid itu tidak mempunyai patung yang menamakannya sebagai tuhan seperti agama lain, "Allah" tetap dihormati di masjid atau dikenali sebagai rumah tuhan. Rumah Ibadat berfungsi sebagai satu-satunya lokasi untuk seseorang masuk untuk meminta sesuatu. Konsep menggunakan masjid sebagai kediaman sementara memperkenalkan pelbagai idea dan pandangan dalam konteks menggunakan masjid sebagai kediaman sementara bagi seseorang yang tinggal bersama anda (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi 2009).

Di samping itu, dalam akidah Islam, pembinaan masjid tidak menjadi kesalahan yang serius kerana Islam sendiri tidak pernah menetapkan jenis bangunan atau reka bentuk tertentu untuk masjid yang akan dimasuki oleh penganutnya. Hal ini berlaku kerana prinsip-prinsip penubuhan Islam bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua peserta, bukan hanya golongan yang dipersoalkan secara khusus. Saya dapat melihat bahawa Islam bukan sahaja



terdapat dalam populasi Arab secara keseluruhan, tetapi juga terdapat di setiap bangsa yang telah terpengaruh dengan kepelbagaian amalan agama yang penuh seni dan beza. Disebabkan ini, setiap orang Islam yang mengamalkan Islam adalah dilarang dan dilarang daripada tidak bersetuju dengan ajaran Islam dalam apa cara sekalipun semasa pembinaan masjid. Mereka turut dapat menggunakan elemen budaya mereka kedalam setiap masjid yang dibina (Mohd. Zainudin Abdullah dan Noorhayati Md. Yatim 2012). Hasil dari kepelbagaian budaya dan warisan melahirkan pelbagai jenis ragam hias dan bentuk masjid diseluruh Negara di dunia.

Satu-satunya doktrin Islam yang selama ini disalah ertikan secara menyeluruh ialah seni bina dan kesenian. Kedua-dua bahagian perjanjian ini diteruskan secara berasingan melalui penggunaan ilustrasi rekabentuk yang menarik dan gambaran unik kesenian dalam masjid Islam terkemuka. Sebelum atau selepas penubuhan Islam, seni bina bertindak sebagai penanda aras dalam situasi tertentu. Kesenian juga memainkan peranan penting dalam penghasilan rekabentuk indah. Ia menjadi kesenian paling agung dengan dihiasi pelbagai jenis seni khat serta awan larat pada bangunan, kitab, barangan tembikar, barang kemas serta pelbagai jenis perhiasan yang diperbuat dari aneka bahan seperti tenunan dan sebagainya (Mustafa Daud 2004).

Pada masa ini dapat dilihat di mana-mana masjid di dunia yang mempunyai unsur-unsur kenian dan kebudayaan masyarakat di negara itu sendiri. Sebagai contoh, di Malaysia, ia boleh dilihat di banyak masjid yang memaparkan hasil penghijrahan penduduk dan penjajahan pada satu-satu masa berbanding masyarakat tempatan dan luar negara. Penyebaran Islam di seluruh dunia telah membawa kepada kemunculan beberapa jenis masjid, dengan masjid Asia di Asia adalah yang mempunyai ciri seni bina yang paling menonjol.

Masjid di China banyak dihiasi dengan ragam hias yang berwarna terang jiwa dibandingkan di Asia Tenggara yang banyak menghasilkan ukiran dari kayu-kayu yang tidak

diwarnakan seperti di Negara China. Seperti di Asia Tenggara kebanyakan masjid turut dihiasi dengan ragam hias yang mempunyai ciri-ciri bumbung kebiasaannya menampilkan bentuk tirus yang cenderung pada budaya dan iklim tempatan. Keadaan cuaca di sesuatu kawasan juga memainkan peranan penting dalam penghasilan rekabentuk bangunan khususnya dalam senibina masjid. Asia Tenggara khususnya berada di kawasan yang mana berpusat pada garisan hutan hujan khatulistiwa. Di kawasan ini mengalami pancaran sinaran matahari 12 jam sehari pada sepanjang tahun (Stuart Baker 2012). Hutan tropika ini kaya dengan pelbagai sumber alam daripada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan bunga. Sehubungan itu banyak spesies pokok besar dan kecil dapat tumbuh dengan subur (Stephanie Fitzgerald 2008). Di Tanah Melayu khususnya hutan tebal ini banyak menghasilkan kayu-kayu yang berkualiti tinggi serta kaya dengan pelbagai jenis kayu keras yang mempunyai nilai tinggi seperti kayu cengal, keruing, meranti, balau dan sebagainya.

Hasil daripada hubungan ini, cuaca berdekatan mengekalkan peranan penting sambil menilai senibina tertentu untuk memberikan gambaran yang baik kepada masyarakat. Disebabkan cuaca di kawasan Asia, ini. Di wilayah Barat, terdapat perbezaan yang sangat kuat, di mana ia terbahagi kepada lapan jenis cuaca yang berasingan yang terdiri daripada salji, luruh, bunga, dan panas. Berbanding dengan Asia Tenggara yang hanya mempunyai hujan dan panas sepanjang tahun. Rekabentuk Masjid-masjid lama di Terengganu pada masa dahulu banyak dihasilkan daripada binaan kayu. Faktor-faktor iklim, topografi, alam persekitaran, budaya hidup masyarakat memainkan peranan paling penting dalam penghasilan rekabentuk binaan masjid. Ia akan menonjolkan gaya serta pelbagai ciri-ciri mengikut persekitaran tempat dan Negara masing-masing (Abdul Halim Nasir 1984).

### 2.2.1 Pengaruh Senibina Tradisional Melayu dalam Masjid

Kajian Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya yang dijalankan oleh Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik menegaskan bahawa Gaya rupa seni bina negara ini telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Pada masa ini, arkitek yang baru terlatih dari luar negara telah mula mempromosikan idea-idea baru tentang penggunaan seni bina di ibu negara, menggantikan usaha terdahulu untuk melaksanakan seni bina Inggeris-India dan gerejawi. Reka bentuk yang ditemui pada tahun 1965 di Masjid Negara dan pembinaan Parlimen membuka perspektif baharu tentang gaya rupa seni bina moden, yang sebelum ini dianggap sebagai reka bentuk berbeza dengan fungsi berbeza. Selain sebagai tempat perbincangan pengunjung yang tiba di ribadat, bilik berwarna serambi di tingkat bawah Masjid Negara menawarkan sambutan hangat kepada pendatang baru.

Penerapan nilai seni bina Melayu di bawah serambi Masjid Negara tidak hanya dari sudut gaya rupanya, tetapi merujuk kepada susun atur dan prinsip asas reka bentuk ruang tersebut. Penempatan ruang yang strategik di hadapan bangunan adalah mengikut konsep susun atur serambi pada rumah Melayu, yang dibanding tanpa dinding dan dilaksanakan pada reka bentuk serambi di Masjid Negara. Bilik serambi Masjid Negara mengamalkan prinsip yang hampir sama seperti yang digunakan oleh serambi di rumah Malaysia: ia mengalu-alukan pengunjung dan menyediakan ruang yang selesa untuk aktiviti tidak formal.

Keadaan yang sama boleh dilihat dalam pembentangan bangunan Parlimen Seni Bina Melayu dalam bentuk reka. Sebagai contoh, bangunan platform yang dimaksudkan menampilkan replika bumbung panjang Melayu tradisional yang dilihat di Melaka. Pengadaptasiannya,, tidak dipaparkan secara keseluruhan, kerana sudah disertakan daya inovasi yang melibatkan teknologi konkrit bertetulang untuk menonjolkan struktur kekuda bumbungnya di bahagian luar. Di samping itu, pada awal 1960-an, Seni Bina Unsur Melayu

tradisional mengalami perubahan yang radikal. Sehubungan dengan ini, contoh Melayu Seni Bina yang menyesuaikan diri dengan gaya Seni Bina moden termasuk Gereja Petaling Jaya, dibina pada tahun 1960, Masjid Negeri di Seremban, dibina pada tahun 1967, dan A&W Petaling Jaya, dibina pada tahun 1970.

Peristiwa penting yang berlaku pada tahun 1980 apabila Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan menganjurkan Seminar Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina pada 20 Januari hingga 23 Januari di Kuala Lumpur. Resolusi seminar tersebut ialah Seni Bina Malaysia mestilah mempunyai peraturan tertentu yang mudah difahami dan dipatuhi oleh masyarakat umum bagi menyokong budaya Melayu (1980:10). Resolusinya telah memberikan manfaat yang besar kepada persatuan senator negara pada tahun 1980-an dan 1990-an. Terdapat banyak bangunan, dan banyak pejabat kerajaan telah pun mula memindahkan Seni Bina Malaysia kepada borang reka individu. Peningkatan seni bina Melayu dalam seni bina bangunan baru apabila ia dipengaruhi seni bina falsafah dari negara barat. Estetika PascaModenisme seni bina generasi ini telah berjaya memasukkan ciri seni bina tradisional ke dalam seni bina baharu.



Rajah 2.1: Masjid Negeri Seremban

Sumber Rujukan Internet: (Google)

<http://www.relaksminda.com/2013/05/senibina-masjid-di-negeri-sembilan.html>

Masjid Negeri Seremban ini dibina dikawasan atas bukit berhampiran bangunan Dewan Undangan Negeri di Seremban. Bermula pembinaannya pada 25 Mac 1966. Asas rekaannya berdasarkan satu bentuk berpecah sembilan, yang dapat dilihat jelas melalui bumbungnya yang mempunyai 9 corong runcing yang di bercantum lalu membentuk umpama sebuah payung. Ianya mempunyai sedikit ciri-ciri rekaan Minangkabau.

### **2.2.2 Pengaruh Cina dalam Senibina Masjid**

Kajian yang dilakukan oleh Nor Adina Abdul Kadir & S Salahudin Suyurno dalam Pengaruh Dekorasi dan Seni Bina China dalam Tiga puluh buah Masjid Terawal di Melaka menyatakan bahawa Pengaruh seni bina dan dekorasi cina ke atas senibina masjid di Melaka terjadi apabila berlakunya hubungan antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan China semenjak Zaman Parameswara dan Dinasti Ming. Pada tahun 1411, Parameswara telah melawat ke Peking diikuti dengan kunjungan balas Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada tahun 1409.

Syarikat india timur menyumbangkan sebidang tanah yang luas untuk masjid jemaah dan tanah perkuburan. Dengan berbuat demikian, syarikat berharap dapat memanfaatkan komitmen masyarakat Islam terhadap penempatan tersebut. Pemberian tanah yang diduduki oleh masjid telah disahkan dengan hakmilik tanah seperti berikut: *Pada 2hb November 1801 tuan George leith, leftenan gabenor, melaksanakan Geran No. 367 tahun 1801, di mana beliau bagi pihak Syarikat Hindia Timur, memberikan ke 'Mohameddan Church' (Sic) sebidang tanah yang terletak di sebelah Selatan Jalan Malabar (Jalan Chulia) dianggarkan sekitar kira-kira 18 ekar.*

Masjid dengan binaan bata awal telah dibina pada tahun 1803 dan digambarkan dalam peta tahun itu, di mana ia ditandakan sebagai "masjid yang dibina oleh Cheelihas". Lakaran itu menunjukkan bangunan segi empat sama, dengan dinding bata, menara di setiap sudut, telaga bulat di sebelah selatan dan pintu masuk utara di Jalan Chulia. Lukisan dari tahun 1848 menunjukkan masjid vernakular gaya India Selatan dengan bumbung berbonggol yang

dikelilingi oleh tembok pembatas hiasan. Gambar-gambar awal mendedahkan bahawa masjid itu kekal hampir tidak berubah sepanjang abad kesembilan belas



**Rajah 4.1:** Lakaran “Masjid Kapitan Keling” Pulau Pinang, 1848

(Sumber: Pejabat Masjid Kapitan Keling 10 Oktober 2022)

Dengan peningkatan hasil daripada hartanah sewa, Lembaga Wakaf telah melabur dalam pembesaran masjid. Masjid Kapitan Keling ini telah melalui tujuh peringkat pengubahsuaian dan pembesaran sebelum perang dunia kedua. Masjid vernacular ini pada mulanya hanya dipanjangkan tetapi tidak lama kemudian didapati bumbung berbonggol yang landai tidak membenarkan banyak pembesaran ruang lantai. Maka diputuskan untuk menambah satu lagi lorong di sekeliling tiga sisi masjid, dengan bumbung rata yang dilanjutkan dan dihiasi dengan kubah dan hiasan ukiran batu senibina Mughal. Terdapat juga seni bina kolonial baharu ditambah pada beberapa bahagian Masjid Kapitan Keling ini yang disahkan oleh Lembaga wakaf, bertujuan bagi meningkatkan imej Britain sebagai penaung dan pelindung penduduk dan komuniti islam di empayar British.

Selain itu, kebanyakan kawasan perumahan yang telah dibina berhampiran masjid telah dibersihkan untuk mewujudkan kawasan lapang dengan pemandangan masjid yang jelas dari Jalan Pitt dan Jalan Buckingham. Kemudian terdapat juga kemudahan baru bagi para jemaah untuk mengambil wuduk telah ditambah. Fasa pertama tranformasi telah selesai dengan pembinaan menara pada tahun 1916, yang merupakan struktur tertinggi di Georgetown pada zaman tersebut. Manakala bahan-bahan baru telah diuji untuk digunakan pada kubah dan bumbung, hal ini kerana didapati bahawa rekabentuk bumbung rata adalah tidak bersesuaian kerana tidak tahan terhadap hujan lebat. Proses pengubahsuaian besar yang terakhir adalah sekitar tahun 1925, pada masa itu objektif utama pengubahsuaian adalah untuk memperkenalkan dewan sembahyang berkubah yang mempunyai ketinggian yang bersesuaian dan rekabentuk serta penggunaan bahan untuk membuat bumbung yang sesuai untuk cuaca tropika di Pulau Pinang.



Rajah 4.2: Menara Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 10 oktober 2022)

Menjelang akhir abad kesembilan belas, Pulau Pinang telah menjadi makmur kerana perkapalan bijih timah dan perdagangan rentas lautan. Dengan kuasa baharu yang diberikan oleh Ordinan Perbandaran 1887, Suruhanjaya perbandaran mula memperkenalkan longkang, lorong

belakang dan kemudahan perparitan dalam misinya untuk menambah baik sanitasi dan sistem pengairan bandar. Pesuruhjaya mendapati kebanyakan rumah yang dibina di atas tanah wakaf orang Islam tidak mematuhi peraturan perbandaran. Dengan ini, beberapa tindakan telah diambil oleh Suruhanjaya Perbandaran bagi menyelesaikan isu terbabit iaitu dengan tindakan daripada Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat yang telah meluluskan ordinan pada tahun 1905 untuk menubuhkan Lembaga Wakaf, satu badan organisasi yang diberi kebenaran penuh untuk mengawal dan menguruskan banyak harta wakaf orang islam di Pulau Pinang.

#### **4.3 Analisis Dapatan Kajian dalam Mengenalpasti unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling.**

Berdasarkan kajian dan pemerhatian yang telah dilakukan, pengkaji telah dapat menyimpulkan bahawa Masjid Kapitan Keling telah dibina dengan menggunakan senibina Mughal ataupun digelar Neo-Moorish dan sedikit pengaruh daripada senibina kolonial. Hal ini dapat dilihat pada keistimewaan senibina itu sendiri di mana senibina Mughal menggabungkan gaya Islam, Parsi, Turki dan India pada masa itu, dan kebanyakan bangunan mempunyai ciri yang sama iaitu boleh dikenali pada struktur bangunan iaitu kubah lebar dan selalunya akan terdapatnya menara tinggi pada struktur bangunan. Di samping itu, ciri-ciri seni bina Mughal juga termasuk bangunan masjid yang dibina dengan menara berhias, terutamanya yang menampilkan kaligrafi Arab. Reka bentuk awal masjid ini adalah untuk struktur persegi satu tingkat dengan empat menara di setiap sudut. Bumbung rabung berbelah empat tingkat yang menutupi keseluruhan struktur masjid digunakan pada struktur asal. Unsur-unsur lain ialah kehadiran kubah yang baru terbentuk dalam bentuk bunga teratai, yang mempunyai menara.

Ketika pengkaji melakukan pemerhatian secara lapangan pada keseluruhan elemen-elemen yang terdapat di dalam masjid seperti mimbar dan kubah, pengkaji telah mendapati bahawa setiap elemen-elemen tersebut memenuhi ciri-ciri sebagai sebuah bangunan yang




berteraskan senibina Neo-Moorish ataupun Mughal. Hal ini dapat dilihat dengan jelas terutama sekali pada bahagian kubah dan ukiran serta hiasan dalaman pada bahagian dalam Masjid Kapitan Keling tersebut.



**Rajah 4.3:** Kubah dan Menara apit Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 10 oktober 2022)



**Rajah 4.4:** Kawasan dalaman Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 10 oktober 2022)



**Rajah 4.5:** Hiasan dalam kubah Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 10 oktober 2022)

Selain dibina dengan menggunakan senibina Neo-Moorish ataupun Mugahl, pengkaji juga mendapati Masjid Kapitan Keling ini menerima pengaruh senibina Kolonial dalam pembinaannya. Senibina kolonial ini boleh ditakrifkan sebagai senibina yang dipengaruhi penjajah telah memberi impak yang besar kepada seni bina dan rupa bandar, pekan dan kampung di Pulau Pinang. Warisan senibina penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris memainkan peranan penting dalam kesinambungan sejarah, pembangunan fizikal dan geografi bandar. Bangunan kolonial ini mempunyai gaya seni bina yang unik, dan susun atur bangunan tersebut merupakan bentuk awal reka bentuk bandar dan merupakan asas kepada daya tarikan dan imej bandar seperti Bandar bersejarah Melaka, George Town dan Taiping.

Senibina kolonial juga boleh dianggap sebagai bangunan yang berasaskan reka bentuk daripada barat. Pengaruh melalui elemen ini dapat dilihat pada pelbagai jenis bangunan seperti bangunan institusi dan pentadbiran, rumah kediaman, bangunan perniagaan dan bangunan keagamaan. Reka bentuk bangunan dan gaya seni bina bangunan barat mempunyai keunikan



yang tersendiri dari segi latar belakang negara penjajah dan zaman atau zaman seni bina itu muncul. Pengaruh senibina Kolonial ataupun barat ini yang terdapat pada Masjid Kapitan Keling boleh dilihat pada bahagian tiang dan juga bahagian gerbang di mana setiap bahagian tersebut adalah lebih ringkas iaitu pada ukiran dan motif pada dinding bangunan terutama di sekeliling tingkap, tiang besar (lajur) dan lengkungan lengkung (gerbang).



**Rajah 4.6:** Tiang di Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 10 oktober 2022)

#### **4.4 Analisis Dapatan Kajian dalam Menenalpasti langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan Keling**

Dalam bahagian kali ini, pengkaji telah melakukan kajian secara lebih mendalam iaitu dengan menemubual beberapa orang responden yang dapat membantu kajian yang dilakukan pada kali ini. Antara responden yang berjaya ditemubual oleh pengkaji adalah pihak pengurusan Masjid Kapitan Keling dan juga beberapa orang pelancong yang mengunjungi tempat kajian. Antara yang telah berjaya ditemubual adalah:

- Haji Faruk Hamza – Pengerusi qaryah Masjid Kapitan Keling
- Encik Mohamed Meera - Penjaga Masjid Kapitan Keling
- Shaikh Ibrahim – Imam Masjid Kapitan Keling
- Encik dan Puan Nakamura – Pelancong dan arkitek daripada Jepun

Melalui temubual ini, pengkaji sudah mengetahui agensi dan jabatan yang terlibat dalam usaha untuk membaikpulih Masjid Kapitan Keling serta beberapa prosedur operasi biasa (SOP) yang akan digunakan dalam usaha berikut.



**Rajah 4.7:** Pengkaji bersama pihak pengurusan Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)

Menurut Encik Mohamed Meera iaitu penjaga Masjid Kapitan Keling, usia Masjid ini yang sudah mencecah 221 tahun memerlukan perhatian khas daripada pihak berwajib dalam usaha untuk memelihara dan memulihara keadaan fizikal bangunan terbabit. Menurutnya lagi pada masa kini terdapat beberapa agensi kerajaan dan swasta yang telah banyak menyumbang dalam usaha terbabit. Antara agensi yang banyak memberi nasihat dan panduan dalam memastikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Masjid Kapitan Keling ini adalah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan George Town World Heritage Incorporated yang

bertindak sebagai orang tengah dalam usaha membaikpulih bangunan Masjid ini. Selain itu, terdapat juga Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang bertindak sebagai penaung dan juga sebagai pembekal dana bagi sebarang aktiviti pembaikpulih Masjid Kapitan Keling ini.

Selain itu, pengkaji juga diberitahu bahawa usaha dalam membaik pulih bangunan Masjid ini terbahagi kepada dua iaitu proses pembaikpulih kecil (minor) dan juga proses pembaikpulih utama (major). Bagi proses pembaikpulih kecil, ianya dilakukan tanpa melibatkan perubahan struktur bangunan masjid seperti proses pengecatan dan penampalan plaster bangunan. Selalunya proses pembaikpulih kecil ini diuruskan sendiri oleh pihak pengurusan masjid dengan menggunakan dana Masjid Kapitan Keling sendiri. Berlainan pula dengan proses pembaikpulih utama (major) di mana ianya akan selalunya melibatkan perubahan dalam struktur bangunan masjid itu sendiri.

Antara contoh proses pembaikpulih utama adalah seperti proses penukaran atap kubah dan beberapa struktur utama yang lain. Bagi pembaikpulih utama ini selalunya akan menggunakan dana dan kepakaran luar kerana Masjid Kapitan Keling ini telah diwartakan sebagai bangunan warisan. Pihak pengurusan masjid perlu untuk memohon permit pengubahsuaian daripada pihak berkuasa tempatan dan segala urusan pembaikpulih akan diuruskan oleh tenaga pakar daripada Jabatan Warisan Negara.



**Rajah 4.8:** Proses pemantauan kerosakan bangunan Masjid Kapitan Keling

(Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)




**Rajah 4.9:** Kerosakan pada bahagian siling Masjid

(Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)



**Rajah 5.0:** Kerosakan pada bahagian dalam atap Masjid

(Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)



**Rajah 5.1:** Kerosakan pada bahagian luar atap Masjid

(Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.5 Penutup

Antara institusi penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat ialah masjid. Fungsi masjid sebagai penyatu masyarakat dan fasilitator penyelesaian pertikaian adalah salah satu tanggungjawabnya. Masjid yang beroperasi sepenuhnya akan membantu masyarakat setempat dalam pelbagai cara termasuk dari segi pembangunan kerohanian, ilmu, dan kegunaan sebagai pusat sumber dan perkhidmatan. Sebenarnya, peranannya mungkin diperluaskan untuk merangkumi integrasi sosial dan ekonomi.

Percubaan berterusan untuk mempromosikan aktiviti dakwah tidak formal telah banyak mempengaruhi perkembangan jati diri dan ketabahan generasi Islam dalam menghadapi kesukaran. Kedua, mereka mampu menjauhi perkara-perkara yang memudaratkan generasi Islam masa kini dan akan datang. Usaha membaikpulih di Masjid Kapitan Keling dijangka terus mendapat maklum balas dan galakan positif dari masa ke semasa. Semua pihak yang bekerjasama harus menghasilkan hasil yang lebih berkesan dalam memastikan kelancaran proses dan usaha dalam membaikpulih Masjid Kapitan Keling ini sebagai sebuah bangunan warisan yang penuh sejarah ini agar dapat terus dihargai dan dinikmati oleh generasi akan datang.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab 5 pada kali ini, pengkaji akan menerangkan tentang bahagian terakhir dalam kajian ini iaitu kajian sejarah dan perkembangan masjid kapitan keling, georgetown, pulau pinang. Pada bab ini ia akan membincangkan tentang dua topik iaitu mengenai perbincangan, cadangan dan kesimpulan. Selaras dengan objektif kajian, pengkaji membincangkan mengenai dapatan kajian yang akan disertakan dengan beberapa cadangan yang selari dengan objektif kajian. Oleh yang demikian bab ini akan merangkumi objektif kajian ini iaitu mengkaji sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang, dan untuk mengenalpasti unsur senibina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling serta bagi mengenalpasti langkah pemuliharaan yang sesuai digunakan pada masjid Kapitan keling. Kesemua perbincangan dan cadangan akan dikumpulkan dan disimpulkan oleh pengkaji di akhir penulisan untuk melengkapkan kajian ini sekaligus dapat membantu mencapai serta menjawab segala objektif dan persoalan. Kajian ini dilakukan supaya penghargaan dapat diberikan kepada Masjid Kapitan Keling sebagai salah satu bangunan warisan di negara kita dan agar dapat dijadikan sebagai sumber panduan kepada generasi yang akan datang.



## 5.2 Perbincangan Mengenai Kajian Sejarah Pembinaan Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Pulau Pinang.

Melalui kajian yang dilakukan secara terperinci, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling ini boleh dilihat berkait rapat dengan sejarah kedatangan masyarakat India Muslim ke Pulau Pinang di bawah pemerintahan British pada ketika itu. Sejarah telah membuktikan bahawa selama lebih seribu tahun, para pedagang telah belayar merentasi lautan Hindi ke kedah dan selat melaka. Orang india selatan adalah antara yang pertama membawa islam ke asia tenggara. semasa era Syarikat India Timur British, orang india selatan presiden madras (merangkumi Tamil Nadu dan sebahagian Kerala masa kini) muncul dalam rekod british sebagai 'chulia'. selepas 1786 majoriti mereka yang mengikuti syarikat india timur untuk berdagang dan menetap di pulau pinang adalah orang tamil muslim. Jalan chulia dinamakan sempena nama mereka.

Masyarakat ini tinggal dan bekerja di kawasan pelabuhan dan sekitar Masjid Kapitan Keling. pada tahun 1803, Leftenan Gabenor Pulau Pinang, Sir George Leith mengkategorikan chulia kepada tiga kumpulan: yang pertama adalah kumpulan makmur dan keluarga besar mereka yang menetap di selat melaka, pedagang monsun yang tiba secara bermusim dari laut india dan buruh dan tukang perahu yang berhenti daripada laluan-laluan perdagangan. Masyarakat chulia ini memainkan peranan utama keusahawanan dalam pembangunan pelabuhan pulau pinang dan wilayahnya. Peniaga chulia mendapat keuntungan daripada perkapalan dan perdagangan tekstil India, yang ditukar dengan produk tempatan dan lada aceh. namun, nasib mereka merosot selepas belanda mengganggu perdagangan orang aceh pada akhir

abad kesembilan belas.

Muslim tamil kelahiran tempatan, yang dikenali sebagai " jawi Pekan " atau " Jawi Peranakan ", secara beransur-ansur berasimilasi dengan masyarakat Melayu. Keturunan- keturunan Jawi Peranakan ini akhirnya semakin menapak di Pulau Pinang dan seterusnya membantu dalam pembangunan di kawasan itu. Bukan itu sahaja, mereka jugatelah memainkan peranan yang amat penting dalam usaha penyebaran agama islam di rantau ini dan seterusnya membawa kepada pembinaan Masjid Kapitan Keling sebagai salah satu pusat pengamalan dan penyebaran islam di Pulau Pinang.



Rajah 5.2: Makam Keluarga Kapitan Keling di Perkarangan Masjid Kapitan Keling

(Sumber: <http://artmelayu.blogspot.com/2011>)

Masjid Kapitan Keling ini dipercayai telah dibina atas ganjaran tanah seluas 18 ekar oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang pada masa itu, Sir George Leith, kepada masyarakat India Muslim pada tahun 1801, dan 1803 adalah tarikh paling awal yang menandakan pembangunan George Town (iaitu ibu kota Pulau Pinang). Tokoh penting yang menerajui pembangunan masjid ini ialah Cauder Mohideen. Pada mulanya, masjid itu dibina untuk kemudahan orang India Muslim yang bekerja untuk Syarikat Hindia Timur kira-kira lebih 200 tahun yang lalu. Mengikut fakta sejarah, kerangka persegi asal masjid itu mempunyai 4 menara dan digambarkan menampilkan kolam besar di tengah-tengah dataran perkarangan masjid.

### 5.3 Perbincangan Mengenai Unsur Senibina Yang Digunakan Dalam Pembinaan Masjid Kapitan Keling.

Masjid Kapitan Keling ini pada umumnya dibina pada era kolonisasi British di Pulau Pinang. Jadi hal ini menjadikannya sebagai salah satu Masjid yang mempunyai hasil senibina kolonial di mana dapat dilihat pada beberapa bahagian masjid tersebut di mana ianya dapat dilihat dipengaruhi oleh senibina moor dan juga disesuaikan dengan kemas dan hiasan yang berunsurkan barat. Sebagai contoh, dapat dilihat pada susun atur bangunan masjid tersebut dimana ianya merupakan sebuah bangunan setingkat berbentuk segi empat dan mempunyai empat buah menara di setiap penjuru. Susunan seperti ini adalah dipengaruhi oleh senibina daripada barat dimana ianya mewakili setiap satu daripada arah mata angin iaitu utara, selatan, timur dan barat.

Bangunan masjid asal menggunakan atap atau bumbung rabung pecah empat setingkat yang memayungi keseluruhan bangunan masjid. Selain itu, senibina moor ataupun senibina islam juga dapat dilihat turut digunakan dalam pembinaan Masjid Kapitan Keling ini. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pembinaan menara empat tingkat berbentuk bulat diletakkan di setiap penjuru bangunan masjid Kapitan Keling. Di setiap sisi atap diletakkan hiasan seperti mahkota yang mempunyai hiasan jali iaitu satu elemen seni bina Islam di India. Ia juga mempunyai sebuah kolam air di bahagian luar bangunan masjid untuk para jemaah berwuduk.

Namun begitu, bangunan masjid ini telah mengalami beberapa peringkat perubahan yang melibatkan penambahan bangunan dan pengubahsuaian fizikal dari tahun 1893 hingga 1916. Penambahan dan pembesaran masjid

telah menjadikan bangunan asal Masjid Kapitan Keling tidak dapat dilihat lagi pada hari ini. Penambahan dan pengubahsuaian masjid Kapitan Keling telah menzahirkan satu lagi bangunan masjid yang mempunyai seni bina yang agak berlainan di mana gaya bumbung rabung pecah empat telah ditukar dan ditinggikan bahagian bumbung utama iaitu di kawasan dewan sembahyang untuk diletakkan sebuah kubah. Pintu masuk juga dibesarkan dan diubah kepada bentuk segi empat sama menegak yang mempunyai hiasan menara kecil di sisinya dan kubah-kubah kecil di atasnya.

Salah satu aspek menarik masjid ini ialah elemen beranda yang menampilkan dinding pepejal yang minimum. Dengan kata lain, komposisi gerbang dan beranda yang mengelilingi bahagian dalam masjid memberikan akses mudah dan pengalaman yang mengalu-alukan pengunjung. Pada Sebaliknya, pengudaraan dalaman bangunan menjadi lebih cekap sehingga tidak perlu menggunakan sistem penghawa dingin. Ini memastikan keseluruhan bahagian dalam masjid berudara dengan baik dan kondusif untuk jemaah.

Masjid ini telah melalui beberapa fasa pengubahsuaian dari tahun 1893 sehingga tahun 1916. Salah satu faktor yang menyebabkan kerosakan bumbung masjid adalah pelanjutan yang dilakukan bagi menampung bilangan jawatankuasa masjid yang semakin bertambah. Proses pengubahsuaian memberi implikasi kepada seni bina dan hiasan dinding dalaman masjid. Bercakap mengenai akibat ini ke atas masjid, kita perlu merujuk kepada kerja-kerja baik pulih yang berlaku dari 1916 hingga 1935 di mana unsur-unsur seni bina Moor telah diadaptasi. Sejalan dengan bangunan zaman itu ialah bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur yang menggunakan prinsip dan jenis seni bina yang sama.

#### **5.4 Perbincangan Mengenai Langkah Pemuliharaan Yang Sesuai Digunakan Pada Masjid Kapitan Keling.**

Bangunan warisan yang berusia ratusan tahun seperti Masjid kapitan Keling ini sudah semestinya memerlukan proses pemuliharaan supaya dapat memanjangkan hayatnya agar dapat bertahan selama mungkin untuk terus dinikmati oleh generasi hadapan. Menurut rekod masjid ini sentiasa diselenggara dan dibaiki secara berkala sejak ia dibina lebih 200 tahun lalu. Menjelang 1990-an, bagaimanapun jelas bahawa masjid itu memerlukan pembaikan yang besar.

Berikut adalah kajian utama dan kerja-kerja pemulihan yang dijalankan ke atas masjid dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun 1995, kajian pemuliharaan Masjid Kapitan Keling, di bandar George Town oleh Perunding dan Kontraktor Warisan Australia Selatan, yang termasuk penyiasatan terhadap keadaan bangunan serta kaedah yang sesuai digunakan dalam proses pembaikpulihan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





Rajah 5.3: Proses pembaikpulihan kubah Masjid Kapitan Keling pada 2010

( Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)



Rajah 5.4: Proses pembaikpulihan kubah Masjid Kapitan Keling pada 2010

( Sumber: Gambar diambil pada 10 oktober 2022)

Selain itu, pada tahun 2000 hingga tahun 2010 beberapa pembaikpulihan berskala besar terus dilakukan seperti pembaikan kubah dan bumbung masjid, naik taraf infrastruktur dan penambahan tandas wanita, oleh Azza Architects; jumlah kos projek sebanyak RM5 juta disokong oleh geran persekutuan. Usaha-usaha pembaikpulihan ini dilihat telah berjaya mengurangkan beberapa isu dan masalah yang dihadapi sebelumnya.

Struktur asalnya tidak mempunyai sebarang kubah, dan oleh itu, salah satu fasa pengubahsuaian menyaksikan pengenalan kubah tembaga ke masjid di mana bahan binaan hampir tidak digunakan dalam mana-mana pembinaan masjid di negara ini. Kubah tembaga disokong secara dalaman oleh struktur kayu di bahagian dalam dan kemudian dengan struktur logam yang lain. Ia mempunyai dua lapisan konkrit dan kuprum yang dipisahkan oleh ruang kosong. Masa berlalu, masjid ini mula menua dan mengalami masalah kebocoran yang teruk pada bumbung serta struktur kubah. Pada tahun 2010, Think City Sendirian Berhad, anak syarikat Khazanah Nasional Berhad, mengambil gambar dan bertindak atas perkara ini. Nik Rahiman diberi penghormatan untuk menjalankan usaha pemulihan dan syarikatnya dibantu oleh perunding seni bina Australia (pejabat Arkitek Kerajaan NSW Sydney). AJK masjid turut memberi kerjasama dalam projek ini.

Semasa pemulihan kubah, apabila pasukan kontraktor menjalankan penyiasatan tapak, terdapat lubang yang ketara pada lapisan luar kubah yang disebabkan oleh fasa pemuliharaan yang tidak dilakukan sebelum ini. Segala proses pembaikan yang melibatkan dengan penggunaan tembaga, ia mesti dilakukan dengan betul cara dan salah satu sebab kepada kerosakan sebenarnya adalah penggunaan beberapa komponen logam lain dengan kuprum itu sendiri. Jadi, keputusan yang dibuat dalam konteks ini adalah

untuk mula-mula mengeluarkan semua paku yang terdapat pada struktur kubah tembaga dan diganti dengan sejenis bahan yang dipanggil 'copper patch'. Untuk melekatkan bahan ini pada struktur, rivet buta digunakan yang juga diperbuat daripada tembaga.

Selepas kejayaan kerja-kerja pemulihan struktur bumbung dan kubah, kriteria penting seterusnya yang perlu dipertimbangkan ialah aspek penyelenggaraan yang akan dilakukan secara berperingkat oleh jawatankuasa masjid. Pihak kontraktor juga telah memperkenalkan 'tangga kucing' dan 'cat walk' di kawasan bumbung dan juga di atasnya. Ini akan memastikan kepingan bumbung tidak akan terganggu kerana ini boleh menyebabkan kerosakan lain. Kemudahan ini membolehkan akses mudah ke bumbung sebagai masjid ini mempunyai ketinggian 30 kaki, dan oleh itu, ia adalah sebuah bangunan yang tinggi. Penggunaan tangga tinggi juga tidak diperlukan kerana terdapat kemudahan ini, yang juga mengelakkan kerosakan lebih lanjut terutama pada bahagian hadapan bangunan.

## 5.5 Cadangan

Antara cadangan yang sesuai untuk dijalankan selain hanya bergantung daripada tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa adalah, terdapat juga langkah-langkah lain yang sesuai diambil bagi proses pemeliharaan Masjid Kapitan Keling ini. Antaranya adalah dengan kerjasama daripada penduduk setempat. Masyarakat setempat boleh memainkan peranan yang penting iaitu dengan sentiasa memeriahkan Masjid Kapitan Keling ini agar tidak menjadi terabai dan akan terus dipantau keutuhan serta keunikannya akan terus dapat dipertahankan. Di samping itu, penggunaan media massa sebagai salah satu agen untuk mempromosikan Masjid ini juga dapat membantu menyebarkan

lagi tentang keindahan Masjid Kapitan Keling ini supaya dapat dilihat oleh masyarakat di seluruh dunia secara atas talian.

Usaha dalam menjadikan Masjid Kapitan Keling ini sebagai sebuah destinasi pelancongan ini haruslah terus dipelopori dan dikekalkan mengikut kesesuaian pada sesuatu masa. Hal ini kerana, terdapat faktor-faktor tertentu yang boleh menjejaskan mana-mana pembangunan sesuatu bangunan atau tapak warisan. Bagi Masjid Kapitan Keling ini, keunikan senibina dan sejarahnya boleh membantu menarik perhatian pengunjung dalam dan luar negara. Kedudukan lokasinya yang strategik juga dan menjadi tumpuan orang ramai dapat membantu meningkatkan ekonomi penduduk dan peniaga setempat melalui sebarang aktiviti penjualan.

Di samping itu, mana-mana usaha untuk mrenjadikan sesuatu bangunan warisan itu sebagai produk pelancongan haruslah mempunyai beberapa projek pembangunan infrastruktur secara berperingkat di kawasan tersebut. Sebagai contoh, pihak kerajaan perlu giat membangunkan beberapa projek infrastruktur di kawasan yang berhampiran seperti Muzium, galeri seni, restoran dan pusat pelancongan serta pusat hiburan. Projek pembangunan infrastruktur ini merupakan salah satu kaedah bagi menaiktaraf pembangunan bangunan warisan di negara kita. Hal ini kerana ia akan lebih banyak membantu dalam menarik lebih ramai pengunjung ke kawasan tersebut selian daripada membantu meningkatkan taraf ekonomi sosial.

## 5.6 Kesimpulan

Infrastruktur Masjid Kapitan Keling ini yang kian berkembang dan bertambah seiring proses pembaikpulihan kini dilihat telah berjaya menarik minat para pencinta senibina dari seluruh dunia sekaligus dapat membantu melambangkan Masjid Kapitan Keling ini sebagai salah satu Masjid yang mempunyai keunikannya yang tersendiri dari aspek senibina. Bangunan warisan pada zaman kolonial British ini dibina mengikut keadaan cuaca dan budaya masyarakat tempatan menjadikannya lebih relevan dan boleh diterima oleh masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan sahaja ia dilihat dari segi fungsinya sebagai tempat beribadat masyarakat islam, namun keunikan senibina moors dan kolonial yang diasimilasikan dengan senibina islam turut melambangkan keunikan yang tersendiri.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan bangunan yang dibina pada zaman kolonial mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang istimewa dan nilai estetika yang tinggi. Terdapat juga kebanyakan bangunan warisan yang masih dalam keadaan yang baik dan berstruktur kukuh dimana ia dipengaruhi oleh konsep binaan daripada barat. Ditambah pula dengan sejarahnya yang boleh dijejak sejak zaman pemerintahan British di Pulau Pinang lagi, menjadikan Masjid Kapitan Keling ini sebagai bangunan warisan yang perlu dipertahankan oleh setiap golongan masyarakat dan bukannya pihak berkuasa sahaja.

## 5.7 Penutup

Masjid Kapitan Keling ini merupakan satu warisan hidup yang memiliki nilai sejarahnya yang tersendiri terutama sekali dari aspek sejarah serta keistimewaan dalam pemilihan senibina yang digunakan dalam proses pembinannya. Ia juga telah dilihat berjaya melambangkan sejarah golongan India muslim yang telah menjadi salah satu golongan yang berpengaruh di Pulau Pinang sejak zaman pemerintahan British lagi. Hal ini telah menambahkan lagi biodiversiti Pulau Pinang sebagai sebuah wilayah yang kaya dengan sumber warisan. Jadi bagi mengekalkan Masjid Kapitan Keling ini, segala kaedah pemuliharaan mengikut Akta Warisan Kebangsaan haruslah terus dilakukan dan dipantau secara berkala untuk tatapan generasi yang akan datang.



## Rujukan

- Abdul Halim Nasir. 1984. *Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Halim Nasir. 1995. *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Halim Nasir. 1985. *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Loyal Press Sdn Bhd.
- Ahmad Zakaria, R. (2022). *Seni bina Masjid Kapitan Keling*. Matsejarah.blogspot.com. Retrieved 24 April 2022, from <http://matsejarah.blogspot.com/2016/01/seni-bina-masjid-kapitan-keling.html>.
- A Ghafar Ahmad (1997). *British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930*, Kuala Lumpur: Museums Association of Malaysia
- Arbi, E. (2022). *Sejarah Perkembangan Seni Bina di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas..* Retrieved 24 April 2022, from <https://uleenz.blogspot.com/2021/08/seni-bina-di-malaysia.html>.
- Ismail, h. (2022). *Keindahan Rekabentuk Masjid*. Retrieved 24 April 2022, from [https://www.researchgate.net/publication/305285933\\_Keindahan\\_rekabentuk\\_masjid\\_melayu](https://www.researchgate.net/publication/305285933_Keindahan_rekabentuk_masjid_melayu)
- Mohd Tajuddin Rasdi. 1998. *Developing a Modern Malaysian Architecture*. Dlm. The Encyclopedia Of Malaysia Architecture, Chen Voon Fee. (ed). Kuala Lumpur: Archipelago Press: 106.

Osman, K., & Nik Ibrahim, N. (2022). *Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Journalarticle.ukm.my. Retrieved 24 April 2022, from [http://journalarticle.ukm.my/1112/1/Nota\\_Penyelidikan\\_Identiti\\_Seni\\_Bina\\_Malaysia.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1112/1/Nota_Penyelidikan_Identiti_Seni_Bina_Malaysia.pdf)

Zarina Sarifan. (2000).” *Senibina Tradisional Malaysia*”  
*Berita Jabatan Muzium dan Antikuiti*, Vol.1/Bil.1, 10-11.

Sapiee, R. (1970, January 1). *Seni Lama melayu (malay olden art)*. 2011. Retrieved January 18, 2023, from <http://artmelayu.blogspot.com/2011>

Utama. (2022). *Seni Dan Seni Bina Mughal | Ensiklopedia 2022*. Diakses pada 27 Mac 2022 di Online Almanac. <https://ms.online-almanac.com/4746599-mughal-art-and-architecture>

Mohd. Tajuddin Mohd. Rasdi. (2017). *Seni Bina Masjid dan Pembangunan Komuniti Islam*. Selangor: Reka Cetak Sdn. Bhd

Abdullah, Z. (2020, August 6). *The kapitan keling mosque: The Penang's oldest mosque steeped in more than 200 years of history*. The Kapitan Keling Mosque | The Penang's oldest mosque steeped in more than 200 years of history. Retrieved February 16, 2023, from <http://myheritagebuildings.blogspot.com/2019/11/the-kapitan-keling-mosque-penangs.html>

Daud, B. (2017, January 1). *Keutamaan FUNGSI Atau DEKORASI Dalam senibina masjid*. KKBD Think Big V1 - Ekspresi Minda Warga TVET. Retrieved February 16, 2023, from [https://www.academia.edu/44610899/KEUTAMAAN\\_FUNGSI\\_ATAU\\_DEKORASI\\_DALAM\\_SENIBINA\\_MASJID](https://www.academia.edu/44610899/KEUTAMAAN_FUNGSI_ATAU_DEKORASI_DALAM_SENIBINA_MASJID)

Anisah Bahyah Ahmad (2013). Seni bina Islam: Satu Pengamatan. (2013). Diakses pada 27 Mac 2022 di ResearchGate; ResearchGate.

[https://www.researchgate.net/publication/277667082\\_Seni\\_bina\\_Islam\\_Satu\\_Pengamatan](https://www.researchgate.net/publication/277667082_Seni_bina_Islam_Satu_Pengamatan)

Definisi Masjid atau Masjid dalam Islam. (2022). Diakses pada 1 April 2022 di Eferrit.com.


<https://ms.eferrit.com/definisi-masjid-atau-masjid-dalam-islam/>

Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia. (2009, May). Diakses pada 1

April 2022 di Blogspot.com. <http://klikbm.blogspot.com/2009/05/pemeliharaan-dan-pemuliharaan-bangunan.html>

# Lampiran

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

Postcard featuring a 'real photo' of Kapitan Keling Mosque, circa 1900. This photograph shows the mosque before the northern extension.  
Wade Collection

The old niche (mihrab) along the back wall of the mosque between a pair of small minarets; only two of the original four minarets have been retained.  
Photograph by Daniel Lee

Postcard of the Kapitan Keling Mosque, taken after 1915 and before 1925. The Noordin Mausoleum can be seen on the left.  
Wade Collection

Postcard captioned 'Worship Hall of Mohammedans, Penang', showing the mosque just after the circa 1925 enlargement.  
Wade Collection

'Extent of Survival of Earliest Fabric circa 1802'.  
Reproduced from 'Conservation Study of the Kapitan Keling Mosque', 1996.

- A DATE OF MIHRAB UNKNOWN, BUT NOT PART OF EARLIEST PHASE
- B SURVIVING ORIGINAL MINARETS
- C ORIGINAL WESTERN WALL WITH ALTERATIONS TO WINDOWS AND STRONG COLUMNS AND ALSO HEIGHT
- D SURVIVING REMNANTS OF LOW SCALLOPED WALLING TO THE ORIGINAL OUTER COLONNADE
- E LINE OF ORIGINAL OUTER COLONNADE PARTS OF WHICH APPEAR ORIGINAL ALTHOUGH STRENGTHENED DUE TO INCREASED HEIGHT OF WALLING
- F SURVIVING CIRCULAR COLUMNS SHOWN ON THE THICKNESS WATERCOLOUR, PART OF THE ORIGINAL OUTER COLONNADE
- G BITS OF THE DEACONISED MINARETS
- H THE ORIGINAL WELL
- I EXTENT OF ORIGINAL PRAYER HALL COLUMN STRUCTURE OF WHICH LATER DATE - c1880